

**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA
BAGI BULAN SEPTEMBER 2017**

Yang Berhormat Datuk Hajah Rosnah bte Abdul Rashid Shirlin
Timbalan Menteri Kerja Raya;

Yang Berbahagia TKSU-TKSU, Ketua-Ketua Agensi dan semua warga kerjaraya
yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia
dan Salam Sehati Sejiwa.

1. Terlebih dahulu marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan inayah-Nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga serta para sahabat Baginda.

2. Alhamdulillah, kita telah pun melepasi separuh pertama tahun 2017. Pada kesempatan ini saya ingin berkongsi kejayaan negara kita dalam pelbagai bidang yang mampu meletakkan negara berada pada landasan yang tepat kearah menjadikan Transformasi Nasional 2050 atau TN50 sebagai satu usaha untuk membentuk masa depan Malaysia bagi tempoh 2020 hingga 2050. Dari sebuah negara maju, kita harus menyasar untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.

3. Kerajaan amat serius untuk membawa rakyat negara ini keluar daripada kepompong kemiskinan kepada kemajuan, dan berdasarkan pencapaian semasa, Kerajaan amat optimis negara sedang menuju ambang negara maju High Income Advanced Economy.

4. Sebagaimana kita sedia maklum dalam Temasya Sukan SEA Ke-29 baru-baru ini melalui semangat patriotisme yang tinggi, yang dizahirkan oleh atlet dan

seluruh rakyat, kita telah berjaya menjuarai temasya kali ini dengan cemerlang. Kita telah Bangkit Bersama membuktikan bahawa kita boleh berjaya sebagai sebuah negara.

5. Dari sudut ekonomi pula, kita bersyukur dengan kejayaan negara dalam KDNK suku kedua 2017 yang mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan pada kadar 5.8 peratus, yakni antara yang tertinggi di dunia.

6. Manakala, menurut laporan State of The Global Islamic Economy 2016/2017 oleh Thomson Reuters, Malaysia sekali lagi telah menduduki tangga pertama secara keseluruhan daripada senarai 73 buah negara di dunia.

7. Paling mutakhir, dalam laporan yang sama, Malaysia bukan sahaja turut diakui sebagai 'the best developed ecosystem for Islamic Finance in the world, bahkan KWSP negara ini dilaporkan mempunyai Islamic Saving Plan yakni Pelan Penyimpanan Islam yang terbesar di dunia.

8. Forum Ekonomi Dunia yang membuat penilaian terhadap daya saing 138 negara dan indeks daya saing global menyenaraikan Malaysia di tangga ke-25 berdaya saing pada fasa penilaian 2016-2017 mengatasi Thailand (tangga ke-34), Indonesia (41), Filipina (57), Brunei (58), dan -Vietnam (60).

9. Malaysia juga mengatasi negara maju seperti Korea Selatan (tangga ke-26) dan beberapa negara Eropah seperti Poland (38), Itali (44) dan Portugal (46).

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

10. Di samping kejayaan dan kedudukan yang baik negara kita di peringkat global, Kerajaan kini mahu memastikan pembangunan negara kita mesti bersifat tertumpu kepada kepentingan rakyat teramai. Inilah asas kepada projek besar yang telah kita laksanakan, seperti Lebuhraya Pan Borneo, MRT, Keretapi Laju Kuala Lumpur-Singapura atau HSR, East Coast Rail Link (ECRL).

11. Projek-projek ini – meskipun adalah pembinaan dan pembangunan infrastruktur berstatus mega – adalah bertunjangkan kepada kepentingan rakyat. YAB Perdana Menteri menjenamakan projek-projek ini sebagai 'InfraRakyat'. InfraRakyat ini kelak, selain meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dalam pelbagai aspek, akan turut menjana serta memacu pertumbuhan ekonomi negara pada jangka masa panjang.

12. Salah satu daripadanya yang boleh kita jadikan contoh adalah Lebuhraya Pan Borneo. Kerajaan sedar bahawa kadar pembangunan di Sabah dan Sarawak masih ketinggalan berbanding Semenanjung Malaysia, dan memerlukan satu anjakan. Oleh itu, kita bina Lebuhraya Pan Borneo yang merentasi Sabah dan Sarawak. Begitu juga dengan di Semenanjung Malaysia, pelaksanaan projek Lebu Raya Central Spine Road menghubungkan Bentong – Kota Bharu dan Lebu Raya Pantai Barat (WCE), masing-masing menjadi pemangkin kepada pembangunan infrastruktur dan ekonomi di Timur serta menambah baik jaringan di Barat.

13. Selain itu, Bandaraya Kuala Lumpur dan Lembah Kelang semakin sesak dengan jumlah kenderaan yang begitu banyak, lantas MRT dibina dengan tujuan untuk meringankan masalah ini.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

14. Saya ingin menyampaikan penghargaan saya kepada semua yang terlibat dalam memastikan pencapaian Petunjuk Pestasi Utama (KPI) Kementerian di mana kita telah capai sasaran sebanyak 63% sehingga Jun 2017. Kajian semula pertengahan tahun 2017 telah dibuat ke atas sasaran-sasaran KPI yang berada di tahap rendah dengan mempergiatkan usaha dan menambahbaik pelan tindakan sedia ada. Usaha-usaha perlu dipergiatkan agar pelaksanaan KPI benar-benar memenuhi ekspektasi pelanggan dan pihak yang berkepentingan.

15. Saya ingin menjelaskan bahawa, negara kini berhadapan fenomena globalisasi dan cabaran baharu dalam bentuk permintaan dan ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat dan menuntut ketangkasan bertindak. Oleh itu, kita tiada pilihan melainkan mengubah aspek-aspek kerja ke arah yang lebih dinamik dan

menjurus kepada produktiviti demi memenuhi kehendak pelanggan. Bahkan elemen pembudayaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dilaksanakan di semua Kementerian merupakan cerminan bahawa Perkhidmatan Awam kini telah menjadikannya sebagai kriteria utama dalam penilaian sesuatu perkhidmatan berimpak tinggi di bawah Tranformasi Perkhidmatan Awam.

16. Kementerian juga didapati sangat cemerlang dalam melaksanakan projek pembangunan di bawah P27 KKR. Status perbelanjaan pembangunan, berdasarkan laporan prestasi fizikal dan perbelanjaan projek pembangunan RP2, RMKe-11 yg dikeluarkan oleh ICU, JPM, sehingga 6 Ogos 2017, KKR telah membelanjakan sebanyak **RM2,695,720,000 billion** atau **59.96%**. Pencapaian 59.96% ini adalah **melebihi purata perbelanjaan nasional 53.03%** sekaligus menempatkan KKR di kedudukan ke lima di antara 25 kementerian. Tahniah kepada semua pihak yang terlibat, dan saya berharap prestasi ini dapat dikekalkan sehingga akhir tahun 2017.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

17. Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) di Sarawak dan Sabah merupakan satu projek mega kerajaan yang menjadi pemangkin transformasi kehidupan rakyat dan akan membawa impak yang besar kepada kedua-dua negeri berkenaan dan rakyatnya termasuk dari segi pembangunan sosioekonomi. Perlaksanaan LPB di Sarawak sedang berjalan rancak dan mengikut jadual.

18. Bagi LPB Sabah pula, 5 Pakej sedang dalam pembinaan iaitu:

- a) Jajaran Papar-Donggongon;
- b) Jajaran Tawau-Sandakan;
- c) Jalan Pintas Lahad Datu;
- d) Jalan Sindumin-Kampung Melalia; dan
- e) Jalan Batu 32 – Kampung Lot M.

Baki sebanyak 30 pakej lagi akan di tender secara berperingkat sehingga Disember 2017. Daripada 30 pakej tersebut 15 pakej telah pun selesai menjalani Makmal

Pengurusan Nilai (VE), manakala baki 15 pakej lagi dijangka selesai menjalani VE pada penghujung September 2017.

Hadirin Sekalian,

19. Bagi tujuan memperkasakan ekonomi Bumiputera, Kementerian melalui BPKU telah menyediakan bantuan kewangan melalui Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK). SKWAK terbuka kepada kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan CIDB pada Gred G1 hingga G5 sahaja. Sehingga 31 Julai 2017, sebanyak 12 buah syarikat telah mendapat kemudahan ini dengan nilai pinjaman sebanyak RM4.93 juta.

20. Sehingga suku tahun kedua 2017, KPI bagi Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) Kementerian Kerja Raya telah mencapai sebanyak 69.5% di mana pencapaian ini merangkumi pelaksanaan Program Bantuan Modal Kewangan melalui SKWAK, Program Peningkatan Penglibatan Kontraktor Bumiputera dalam Projek Pembinaan Lebuh Raya di bawah RMK-10 dan RMK-11 dan Program Latihan Kemahiran Belia Dalam 9 Tred Berimpak Tinggi.

21. Kerjasama strategik dengan MRT Corporation bagi memantau dasar agihan kepada kontraktor Bumiputera juga telah dilaksanakan. Nilai kerja berjumlah RM200 juta bagi Projek MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) Line telah diagihkan kepada kontraktor Bumiputera manakala bagi Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) Line nilai kerja sejumlah RM900 juta akan diagihkan bagi kerja-kerja bawah tanah.

Hadirin Sekalian,

22. Sebagaimana yang kita sedia maklum, negara kita telah dikejutkan dengan tragedi kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Keramat, Kuala Lumpur. Saya mewakili pengurusan dan seluruh warga Kementerian Kerja Raya menzahirkan perasaan hiba dan sedih serta merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa yang terlibat.

23. Siasatan pihak berkuasa telah mengenal pasti punca, namun sebagai agensi teknikal utama Kerajaan, kita perlulah sentiasa bersedia dan berada di barisan depan untuk membantu masyarakat negara ini. Aspek teknikal seperti sistem pendawaian usang dan pengubahsuaian bangunan yang tidak mengikut spesifikasi adalah merupakan antara faktor yang menjadi punca berlakunya kebanyakan insiden kebakaran. Inilah antara tuntutan dan cabaran yang perlu difikirkan bersama oleh Kementerian ini khususnya oleh JKR dan CIDB. Saya berharap kita sebagai sebuah agensi teknikal kerajaan dapat memainkan peranan yang lebih komprehensif dan proaktif dengan memberi khidmat nasihat kepada kerajaan dan pihak lain yang memerlukan supaya insiden sebegini dapat dikurangkan.

24. Sebagai langkah proaktif, kementerian perlu mengambil inisiatif untuk memeriksa semua premis kerajaan di bawah kawalan kita supaya berada dalam keadaan baik dan terkawal. Aset-aset milik Kerajaan perlulah dipantau dan penggunaan aplikasi Sistem Pengurusan Aset Tak Alih atau **MySPATA** hendaklah dilaksanakan sepenuhnya. Melalui pangkalan data secara berpusat, maklumat sesuatu aset kerajaan dan program senggaraan aset bangunan Kerajaan lebih mudah dipantau dan penyelenggaraan dapat dibuat dengan lebih efisien.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

25. Pada bulan lepas negara kita telah menempa sejarah dalam bidang pengangkutan awam dengan perasmian Perkhidmatan Transit Aliran Massa Fasa 1 (MRT1) dari Sg.Buloh ke Kajang (SBK Line) oleh YAB Perdana Menteri. Laluan sepanjang 51 km melalui 31 stesen di kawasan strategik dan berkepadatan tinggi di Lembah Klang memberi impak positif kepada pengangkutan awam disamping memberikan kesan berganda kepada pembangunan di sekitar laluan berkenaan.

26. Saya difahamkan kesesakan jalanraya secara tidak langsung dapat dikurangkan dengan penyediaan pengangkutan awam canggih ini. Ini menunjukkan bahawa perancangan penyediaan infrastruktur jalanraya, terutamanya di bandar besar, perlu dibuat secara berintegrasi dengan penyediaan sistem pengangkutan awam.

27. Pada masa ini BPJ sedang melaksanakan kajian bagi penyediaan Pelan Induk Rangkaian Jalanraya HNDP 2030 bagi Semenanjung. Pelan induk Khusus untuk Kawasan Lembah Kelang juga sedang disediakan dengan mengambilkira keperluan integrasi dengan sistem pengangkutan awam yang dirancangkan. Pelan induk HNDP 2030 di jangka siap pada penghujung 2018. Dengan siapnya pelan induk ini, Kementerian pasti sistem pengangkutan di negara kita akan dapat dibuat secara bersepadu dan teratur.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

28. Pertandingan World Skills Malaysia Belia (WSMB) atau dahulunya dikenali sebagai Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) adalah satu pertandingan kemahiran yang diadakan setiap tahun bertujuan untuk memilih dan mengiktiraf pelatih dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran yang unggul. Ia akan dapat membantu meningkatkan tahap kemahiran sumber manusia di Malaysia. Selain itu, ia dapat memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang pentingnya bidang kemahiran kepada pembangunan negara.

29. Pertandingan WSMB 2017 peringkat akhir telah berlangsung pada 13 hingga 17 Ogos 2017 bertempat di Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara, Sintok Kedah bagi 9 bidang di bawah kendalian KKR. Keputusan pemenang pertandingan WSMB 2017 ini akan diumumkan sewaktu Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri yang dijadualkan pada 16 November 2017. Pemenang pingat WSMB 2017 ini berpeluang untuk mewakili Negara bertanding di ASEAN Skills Competition (ASC) 2018 di Bangkok, Thailand.

30. Malaysia juga akan menyertai World Skills Competition (WSC) 2017 kali ke 44 dari 8 hingga 20 Oktober di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE). Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras penyertaan Malaysia ke WSC 2017 ini yang akan melibatkan seramai 21 orang peserta Negara dalam 20 bidang daripada 51 bidang kemahiran yang dipertandingkan. Bagi penyertaan WSC 2017 kali ini, pihak Kerajaan telah mensasarkan punggutan 5 pingat termasuk 1 pingat emas.

Para hadirin sekalian,

31. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya yang telah berjaya menganjurkan 2 program yang memberi impak positif kepada Kementerian iaitu penganjuran buat kali pertamanya **Hari Teknikal dan Kejuruteraan JKR 2017** dan **Seminar Pengurusan Fasiliti JKR 2017**.

32. Hari Teknikal dan Kejuruteraan dianjurkan sebagai satu platform bagi orang awam mendapat informasi dan kesedaran tentang pentingnya pematuhan kepada aspek-aspek kejuruteraan dan teknikal dalam membangunkan semua negara yang maju lagi lestari dan peranan Jabatan Kerja Raya dalam membangun, mencorak dan menerapkan ciri-ciri 'Best Engineering Practice' ini ke dalam pelaksanaan pembangunan negara. Seminar Pengurusan Fasiliti pula menekankan kepentingan dalam pengurusan fasiliti yang terancang dan terurus.

Para hadirin sekalian,

33. Sebagai langkah awal ke arah Multi Lane Free Flow (MLFF), kita telah melancarkan *Pilot Project* bagi pemasangan Sticker Tag Radio Frequency Identification (RFID) di lebuh raya terpilih di Lembah Klang pada 12 Julai 2017 lalu. Sekiranya kejayaan dapat dicapai dari pengujian Sticker Tag di lebuh raya bertol yang dicadangkan ini, saya yakin perkembangan positif ini boleh bertindak sebagai pemacu dalam melancarkan dan melicinkan pelaksanaan Radio Frequency Identification (RFID) pada tahun ini.

Para hadirin sekalian,

34. Alhamdulillah, pada hari ini juga akan berlangsung pelancaran Kod Etika KKR sebagai pegangan dan amalan yang akan menampilkan ciri-ciri khusus warga KKR ketika melaksanakan tugas dalam pelbagai keadaan. Setiap warga kerja hendaklah sentiasa menjaga, memelihara dan mempertahankan kedaulatan dan maruah diri, Jabatan, Agama, Bangsa dan Negara serta patuh kepada undang-undang.

35. Penghayatan integriti akan terjelma menerusi etika yang sempurna. Etika seharusnya di pelajari dan di amalkan dalam kehidupan seharian dan dalam apa jua tingkahlaku. Keberkesanan prinsip etika terletak pada individu itu sendiri, tanpa disiplin diri dan kekuatan mental yang tinggi seseorang itu tidak dapat mencapai tahap etika yang dikehendaki.

36. Harapan saya semoga Kod Etika ini dapat memantapkan integriti warga KKR dalam melunaskan amanah dan tanggungjawab seterusnya memelihara kredibiliti Kementerian dalam mencapai visi “Peneraju Pembangunan Infrastruktur dan Industri Pembinaan Negara Yang Terunggul.” “Kecemerlangan organisasi, cerminan keluhuran jati diri dan peribadi”.

37. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengalu-alukan kehadiran seramai **321 orang Penolong Jurutera Awam JA29** yang baru melaporkan diri pada hari ini. Hargailah peluang yang diperolehi ini dan berjanjilah kepada diri tuan-tuan dan puan-puan untuk menjadi seorang penjawat awam yang berintegriti, berkomitmen dan berprestasi cemerlang.

PENUTUP

38. Syukur Alhamdulillah, kita telah melepasi separuh pertama tahun 2017 dengan baik sekali. Segala perancangan yang dirancang, berjalan dengan lancar dan mengikut seperti yang telah dijadualkan. Sebagai warga kerja yang dedikasi marilah sama-sama kita meneruskan usaha gigih ini dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

39. Akhir sekali semoga kerja kita secara ikhlas, akan mendapat keberkatan Illahi dan dapat memberikan kesejahteraan kepada keluarga kita, bangsa dan rakyat Malaysia secara keseluruhan serta bersama-sama kita berdoa semoga negara kita terus kukuh, maju dan sentiasa di bawah payung kerahmatan oleh Allah SWT.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.